

Bidang penerbitan pelancongan **Malaysia masih ketinggalan — Mahathir**

UUM 27 JUL 1991
KUALA LUMPUR 26 Julai
K— Malaysia masih ketinggalan dalam bidang penerbitan pelancongan bagi memperkenalkan kepada pelawat asing mengenai tempat-tempat tarikan pelancongan di negara ini, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini.

Perdana Menteri berkata, walaupun ada beberapa buku mengenai Malaysia tetapi buku-buku itu tidak cukup dan jarang pula yang memperkenalkan negara.

"Setengah buku pula memberi gambaran yang negatif mengenai Malaysia," kata Dato' Sri Dr. Mahathir pada pelancaran rasmi buku bergambar bermutu antarabangsa bertajuk "*Malaysia: Heart of Southeast Asia*" di sini.

Justeru itu, amatlah penting program-program dan aktiviti khusus bagi industri pelancongan selari dengan kempen promosi pelancongan yang dijalankan oleh kerajaan.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, tambah beliau, teras utama dasar pelancongan ialah meningkatkan kecekapan sektor itu dan sekaligus dapat memperbaiki kualiti hidup rakyat tempatan.

Beliau menjelaskan dasar tersebut menekankan keperluan untuk meningkatkan penyertaan penduduk tempatan dan pada masa yang sama memaksimumkan peluang-peluang ekonomi melalui aktiviti pelancongan.

Serentak dengan pelancaran *Malaysia: Heart of Southeast Asia*, Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah juga telah me-

UUM 27 JUL 1991
lancarkan pameran 75 keping gambar yang diambil di bawah projek buku tersebut.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, satu bidang di mana Malaysia telah ketinggalan berbanding dengan negara jiranannya dalam usaha memasarkan aktiviti pelancongan ke luar negeri ialah kurangnya penerbitan buku mengenai Malaysia.

"Buku adalah cara yang penting untuk memperkenalkan sesuatu destinasi di mana pada masa ini hanya terdapat beberapa buah sahaja mengenai Malaysia. Usaha yang dibuat ini

haruslah dipuji," tegas beliau.

Sehubungan itu, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, beliau menggalakkan penerbit, penaja dan pasukan projek mengambil langkah-langkah untuk mengenalpasti penerbitan yang boleh menarik pasaran antarabangsa.

"*Malaysia: Heart of Southeast Asia* ialah sebuah buku yang mempunyai banyak perbezaan. Tiada buku lain yang boleh mengabungkan kerja jurugambar terbaik di dunia serta teks yang ditulis oleh penulis terkenal," tegas beliau.